

TARIKH	RABU, 29 MAC 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	'TAK DAPAT PERTAHAN LOJI NUKLEAR'
M/S	29
BIDANG	NUCLEAR POWER PLANT
KATA KUNCI	NUCLEAR POWER PLANT

Krisis Russia - Ukraine

'Tak dapat pertahan loji nuklear'

Kiyv: Presiden Ukraine, Volodymyr Zelensky memberitahu Ketua Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEI), Rafael Grossi bahawa pihaknya tidak mungkin dapat mengekalkan keselamatan di loji nuklear Zaporizhzhia kerana masih dikuasai Russia.

Beliau memaklumkan perkara itu ketika bertemu Grossi kelmarin di selatan wilayah Zaporizhzhia menjelang lawatan pegawai kanan IAEA itu ke kilang tenaga nuklear.

Loji tenaga nuklear terbesar di Eropah itu dikawal Russia sejak tahun lalu.

Ini adalah lawatan kedua Grossi ke kemudahan itu sejak Moscow mencero-
boh Ukraine pada Februari 2022.

"Tanpa pengunduran segera tentera dan kakitangan Russia dari loji nuk-



Zelensky dan Grossi selepas pertemuan di Kiyv, kelmarin.

(Foto EPA)

lear Zaporizhzhia dan wilayah bersebelahan, sebarang inisiatif untuk memulihkan keselamatan nuklear dan tahap keselamatan pasti akan gagal," kata Zelensky kepada Grossi dalam

satu kenyataan daripada Pejabat Presiden.

Pertemuan mereka berlangsung di kawasan loji kuasa hidroelektrik Dnipro yang rosak akibat serangan Russia.

AFP